

08/04/2003

Cadangan Tokoh Guru dianugerah wang tunai

Syuhada Choo Abdullah

JAWATANKUASA induk sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan mencadangkan supaya kerajaan menghadiahkan wang tunai kepada pemenang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan mulai tahun ini, di samping pingat emas, cenderamata serta sijil penghargaan yang diberikan sekarang.

Jawatankuasa itu berharap cadangan yang dibuat pada mesyuarat jawatankuasa induk itu, baru-baru ini, dapat dilaksanakan kerajaan sebagai satu lagi pengiktirafan di atas sumbangan dan jasa golongan pendidik tanah air.

Sambutan Hari Guru tahun ini yang bakal disambut 16 Mei depan pasti menjadi lebih bermakna dan meninggalkan kesan mendalam, jika cadangan itu menjadi kenyataan.

Pemberian wang tunai itu diyakini akan lebih memanfaatkan penerimanya yang rata-rata dipilih dari kalangan pesara guru dengan rekod perkhidmatan cemerlang, di samping hadiah pingat emas, yang diterima selama ini.

Menurut sumber, pada mesyuarat jawatankuasa induk itu yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, jumlah wang tunai yang dicadangkan ialah antara RM10,000 sehingga RM20,000 bagi setiap pemenang.

Sejak Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan diperkenalkan pada 1975, bilangan penerimanya setiap tahun adalah antara tiga sehingga tujuh orang.

Jumlah paling ramai terpilih ialah pada 1977, bagaimanapun sejak 1999 sehingga tahun lalu, bilangan penerima anugerah itu kekal seramai lima tokoh.

Antara kriteria pemilihan Tokoh Guru Kebangsaan ialah perkhidmatan cemerlang di bilik darjah, sumbangan cemerlang kepada profesion keguruan dan pendidikan, pembabitan aktif dalam kegiatan luar bilik darjah dan khidmat masyarakat, di samping kecemerlangan dalam bidang lain.

Difahamkan, penganugerahan hadiah wang tunai kepada pemenang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan sebenarnya sudah pernah disuarakan beberapa kali, terutama oleh pertubuhan guru, lebih-lebih lagi apabila menjelang sambutan Hari Guru yang terdahulu.

Sumber itu berkata, cadangan hadiah wang tunai itu mendapat reaksi positif dan akan dikemukakan kepada Menteri Pendidikan dan diharap dapat dilaksanakan mulai tahun ini, jika ia diluluskan.

"Selain itu, satu lagi cadangan menarik dibangkitkan pada mesyuarat berkenaan ialah pemenang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan dikurniakan pingat kebesaran yang membawa gelaran 'Datuk' oleh kerajaan negeri masing-masing.

"Cadangan itu akan dipanjangkan kepada setiap kerajaan negeri untuk pertimbangan. Bagaimanapun, keputusan berhubung penganugerahan pingat kebesaran berkenaan tetap terpulang kepada pihak kerajaan negeri," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Tahun ini, Pulau Pinang dipilih sebagai tuan rumah sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan. Acara gilang-gemilang itu akan berlangsung di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual hadir merasmikannya.

Katanya, kira-kira 6,000 tetamu termasuk dari kalangan pegawai pendidikan, wakil pertubuhan guru, pesara guru dan juga pembesar negeri, akan dijemput memeriahkan acara di stadium tertutup itu.

"Sambutan Hari Guru tahun ini masih mengekalkan tema tahun lalu, iaitu 'Guru Berkualiti Aspirasi Negara'.

"Sebagaimana sambutan Hari Guru sebelum ini, pelbagai program sedang

rancak berlangsung seperti pertandingan bahas kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris peringkat negeri serta peraduan mengarang.

"Proses pemilihan pemenang untuk penganugerahan lain juga sudah bermula, termasuk Anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas, Anugerah Sekolah Harapan Negara dan Anugerah Guru Inovatif.

"Sebagai contoh, Anugerah Sekolah Harapan Negara yang dibahagikan kepada kategori sekolah rendah (bandar), sekolah rendah (luar bandar), sekolah menengah (bandar) dan sekolah menengah (luar bandar), sudah pun selesai diadakan pada peringkat negeri," katanya.